



Kenyataan Pra-Bajet 2022

Kementerian Kewangan Malaysia

31 Ogos 2021

Isi Kandungan

Pengenalan	1
Ketelusan dalam penyediaan bajet tahunan	1
Status semasa inisiatif utama yang dilaksanakan di bawah Belanjawan 2021	1
Status semasa inisiatif utama yang dilaksanakan di bawah pakej rangsangan sepanjang tahun 2021	2
Tinjauan Ekonomi dan Kedudukan Fiskal	3
Senario ekonomi global	3
Semakan prestasi KDNK 2021	4
Tinjauan ekonomi makro 2022.....	5
Sasaran fiskal untuk 2021/2022.....	6
Strategi Hasil Percukaian	8
Status prestasi hasil percukaian 2021	8
Inisiatif percukaian 2021	8
Pengurusan ketirisan hasil.....	10
Komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa	10
Strategi meningkatkan hasil percukaian	11
Strategi pemantapan sistem percukaian.....	12
Strategi Perbelanjaan	13
Prestasi perbelanjaan 2021	13
Strategi pengurusan perbelanjaan - pengoptimuman dan pengawalan perbelanjaan	15
Tumpuan Bajet 2022	15
Tema Bajet 2022.....	15
Melindungi dan memulih kehidupan serta mata pencarian	16
Membina semula daya ketahanan negara	16
Memangkin pembaharuan	17
Penjajaran Bajet 2022 kepada RMKe-12 dan WKB2030.....	18
Penutup	18

Ketelusan dalam penyediaan bajet tahunan

1. Sebagai salah satu usaha penambahbaikan proses penyediaan bajet tahunan, Kementerian Kewangan bersetuju untuk menerbitkan Kenyataan Pra-Bajet (KPB) atau *Pre-Budget Statement* bermula tahun ini.
2. Ini bertepatan dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa, iaitu KPB diterbitkan bagi meningkatkan ketelusan dalam proses merangka inisiatif bajet tahunan. Ketelusan dan penglibatan menyeluruh rakyat dalam penyediaan bajet tahunan merupakan antara prinsip asas bagi tadbir urus sesebuah negara yang dapat meningkatkan keyakinan awam terutamanya dalam kalangan pelabur.
3. Langkah pertama Kerajaan kali ini juga merupakan sebahagian daripada cadangan rangka kerja penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal bagi meningkatkan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan fiskal negara. Oleh itu, rakyat berpeluang mendapatkan gambaran awal berkenaan hala tuju, pendekatan yang diambil dan jangkaan kemudahan yang bakal dinikmati daripada Bajet 2022.
4. Di samping itu, usaha ini dilihat dapat meningkatkan kedudukan Malaysia di dalam pelaporan antarabangsa *Open Budget Index* (OBI) yang diterbitkan oleh *International Budget Partnership* (IBP). Indeks OBI ditentukan menerusi soal selidik *Open Budget Survey* yang secara umumnya mengukur tahap ketelusan proses penyediaan bajet tahunan. Berdasarkan laporan IBP bagi tahun 2019, Malaysia mencatat skor sebanyak 47 bagi tahap ketelusan berbanding negara serantau seperti Filipina (76), Indonesia (70) dan Thailand (61).

Status semasa inisiatif utama yang dilaksanakan di bawah Belanjawan 2021

5. Belanjawan 2021 telah dirangka berdasarkan tiga matlamat utama, iaitu Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi. Belanjawan berjumlah RM322.5 bilion merupakan belanjawan terbesar pernah

diumumkan yang membuktikan komitmen Kerajaan dalam memelihara kebajikan rakyat dan perniagaan dalam tempoh krisis wabak COVID-19.

6. Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA) telah diberi tanggungjawab untuk memantau 88 inisiatif strategik yang meliputi peruntukan sebanyak RM78 bilion. Daripada jumlah tersebut, 77 inisiatif bersifat jangka panjang, 4 inisiatif bersifat jangka pendek dan 7 inisiatif bersifat *one-off*. Setakat 31 Julai 2021, di antara inisiatif strategik yang telah berjaya mencapai objektifnya termasuk Biodiversity Protection and Patrol Programme serta Bon Kelestarian untuk tujuan pemeliharaan alam sekitar dan program sosial.

Status semasa inisiatif utama yang dilaksanakan di bawah pakej rangsangan sepanjang tahun 2021

7. Pada 18 Mac 2020, Kerajaan telah melaksanakan langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara yang bertujuan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 serta memberi ruang kepada Kerajaan untuk melaksanakan usaha pemulihan dengan kadar segera. Namun, langkah ini menghadkan aktiviti ekonomi secara menyeluruh dan menjejaskan pendapatan pelbagai golongan. Justeru, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan diikuti dengan PRIHATIN PKS Tambahan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan KITA PRIHATIN untuk mengurangkan kesan PKP ke atas rakyat dan perniagaan.

Pakej Rangsangan Tahun 2021

8. Dalam usaha Kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan pemulihan ekonomi, empat lagi pakej rangsangan ekonomi telah diumumkan dalam tahun 2021, iaitu Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA Tambahan dan akhirnya Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

9. Daripada 35 inisiatif dan subinisiatif di bawah PERMAI berjumlah RM15 bilion, empat inisiatif iaitu BPN 2.0, Pakej Telekomunikasi, Internet percuma dan

Penjadualan semula pembiayaan perniagaan MARA telahpun selesai dan berjaya mencapai objektifnya. 16 inisiatif jangka panjang, 13 Inisiatif jangka pendek dan 6 inisiatif bersifat *one-off* masih lagi berjalan.

10. PEMERKASA dengan nilai pakej sebanyak RM20 bilion, terdiri daripada 49 inisiatif jangka panjang, 8 inisiatif jangka pendek dan 6 inisiatif bersifat *one-off* masih dalam pelaksanaan.

11. Bagi PEMERKASA Tambahan yang bernilai keseluruhan RM40 bilion, semua inisiatif masih berjalan, iaitu 6 inisiatif bersifat jangka panjang, 12 inisiatif jangka pendek dan 3 inisiatif *one-off*, dengan Moratorium Bersasar bernilai RM30 bilion sebagai sebuah inisiatif utama.

12. Daripada 63 inisiatif strategik PEMULIH yang dipantau, 16 daripadanya bersifat jangka panjang, 32 inisiatif jangka pendek dan 15 inisiatif bersifat *one-off* dan semuanya masih dalam pelaksanaan. Antara inisiatif strategik di bawah PEMULIH ialah Kemudahan Pengeluaran i-Citra KWSP serta bakul makanan yang disalurkan kepada rakyat melalui semua ahli-ahli Parlimen.

13. Status pelaksanaan inisiatif-inisiatif Belanjawan 2021 serta pakej-pakej rangsangan dan bantuan boleh didapati di <https://kewanganrakyat.com/>

Tinjauan Ekonomi dan Kedudukan Fiskal

Senario ekonomi global

14. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan ekonomi global kembali mencatat pertumbuhan positif sebanyak 6.0% pada 2021 setelah mengalami penguncupan 3.2% pada 2020 akibat kesan pandemik COVID-19 yang teruk, terutamanya berikutan pelaksanaan langkah kawalan pergerakan bagi membendung penularan wabak tersebut. Pertumbuhan ekonomi dunia pada 2022 pula diunjur terus berkembang sebanyak 4.9%, didorong oleh liputan yang lebih luas bagi program vaksinasi global yang membolehkan pembukaan semula sektor ekonomi serta

pemulihan perdagangan dan rantai bekalan global. Perdagangan dunia yang menguncup sebanyak 8.3% pada 2020 pula dijangka pulih dengan pertumbuhan sebanyak 9.7% pada 2021, dan seterusnya meningkat sebanyak 7.0% pada 2022, disokong terutamanya oleh peningkatan permintaan luaran barangan.

15. IMF turut mengunjurkan purata harga minyak mentah pulih pada paras USD65 setong bagi tahun 2021 dan menyederhana kepada USD63 bagi tahun 2022, kesan ketidakpastian pandemik COVID-19 yang akan mempengaruhi permintaan dan pengeluaran minyak mentah di peringkat global. Manakala kadar inflasi dunia diunjur pada 3.5% (2021) susulan peningkatan purata harga minyak mentah berbanding tahun 2020 sebelum kembali ke tahap pra-pandemik pada 2022.

Semakan prestasi KDNK 2021

16. Unjuran rasmi pertumbuhan ekonomi negara bagi 2021 yang telah diumumkan pada Mac 2021 adalah di antara 6.0% hingga 7.5%. Walau bagaimanapun, susulan risiko ancaman varian baharu COVID-19 yang lebih berbahaya, Kerajaan perlu melaksanakan semula langkah pembendungan penularan wabak yang lebih ketat bagi melindungi nyawa rakyat dan memastikan sistem kesihatan tidak lumpuh. Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan PKP 3.0 pada bulan Mei, diikuti oleh Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara berfasa bermula bulan Jun 2021.

17. Oleh itu, pelaksanaan langkah pembendungan tersebut dijangka menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi pada 2021 setelah mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 16.1% pada suku kedua 2021. Justeru, unjuran kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi keseluruhan tahun 2021 telah disemak semula kepada antara 3.0% hingga 4.0% seperti yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 13 Ogos 2021. Anggaran pertumbuhan ini berdasarkan jangkaan pembukaan semula semua sektor ekonomi dan sosial pada suku keempat berikutan kemajuan dan keberkesanan pelaksanaan program pemberian vaksin yang memberangsangkan. Perkembangan yang baik ini dijangka akan mendorong sentimen positif dalam kalangan perniagaan dan pengguna.

18. Pada masa ini, Malaysia adalah antara negara yang mencatat kadar vaksinasi terpanjang di dunia, iaitu secara puratanya melebihi 400 ribu dos sehari melalui program vaksinasi kebangsaannya. Pada akhir Ogos 2021, jumlah populasi dewasa yang telah lengkap divaksinasi adalah melebihi 90% bagi Lembah Klang dan lebih 60% bagi seluruh negara. Vaksinasi yang lengkap dapat mengurangkan beban sistem kesihatan iaitu kadar kemasukan ke hospital, terutamanya ke wad Unit Rawatan Rapi (ICU), dijangka akan menurun ke tahap yang terkawal.

19. Faktor-faktor lain yang mendorong pemulihan ekonomi Malaysia ialah peningkatan permintaan luar khususnya daripada rakan dagangan utama, pemulihan harga komoditi, peralihan kepada digitalisasi serta pelaksanaan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi. Secara keseluruhan, bagi tahun 2021, semua sektor utama ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif kecuali sektor pembinaan dan pelancongan akibat pelaksanaan langkah kawalan pergerakan bagi membendung penularan COVID-19.

Tinjauan ekonomi makro 2022

20. Dengan mengambil kira faktor-faktor yang menyokong pemulihan ekonomi bagi tahun 2021, khususnya pembukaan semula sektor ekonomi dan aktiviti sosial pada penghujung tahun dan permintaan luar yang terus kukuh, trend pemulihan ekonomi diunjur berterusan sehingga ke tahun 2022. IMF mengunjurkan ekonomi Malaysia pada tahun 2022 berkembang sebanyak 6.0% manakala Bank Dunia pula sebanyak 5.0%, iaitu kembali kepada trend pertumbuhan KDNK tahunan dalam tempoh pra-pandemik.

21. Dari sudut penawaran, sektor pekhidmatan dan pembuatan dijangka terus memacu pertumbuhan ekonomi berikutan normalisasi aktiviti ekonomi sejajar dengan kejayaan program vaksinasi kebangsaan. Di samping itu, pelaksanaan projek-projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi akan menyokong sentimen pelaburan. Peningkatan permintaan luar yang berterusan serta pemulihan harga komoditi dijangka turut memacu aktiviti pengeluaran dalam semua sektor ekonomi.

22. Aktiviti ekonomi yang dijangka lebih cergas akan memulihkan sentimen pengguna berikutan prospek pendapatan yang semakin baik. Oleh itu, pasaran buruh dijangka kembali pulih pada 2022 walaupun pada tahap yang lebih sederhana berbanding pra-pandemik, seiring dengan pembukaan semula sektor ekonomi berikutan pencapaian imuniti kelompok.

23. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa risiko kepada prospek pertumbuhan ekonomi negara, iaitu antara lain kemunculan varian baharu COVID-19 yang boleh menjejaskan kapasiti sistem kesihatan dan memaksa Kerajaan untuk melanjutkan langkah kawalan pergerakan serta menangguhkan pembukaan sektor ekonomi, pemulihan pasaran buruh yang lebih perlahan serta ketidaktentuan dasar yang boleh menjejaskan sentimen pelaburan.

Sasaran fiskal untuk 2021/2022

24. Kerajaan telah menyasarkan defisit fiskal sebanyak 5.4% kepada KDNK bagi 2021 semasa Belanjawan 2021 berdasarkan andaian pemulihan ekonomi yang stabil dan momentum pertumbuhan yang memberangsangkan pada separuh kedua 2020 dan berterusan sehingga 2021. Kutipan hasil pada separuh pertama 2021 masih meningkat sebanyak 4.6% berbanding tempoh yang sama pada 2020, walaupun pada kadar lebih perlahan daripada anggaran Belanjawan. Namun, perbelanjaan juga bertambah sebanyak 5.7% disebabkan sokongan fiskal berterusan kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi berikutan penyediaan pakej bantuan tambahan untuk mengurangkan impak krisis pandemik dan pelaksanaan semula beberapa projek pembangunan Kerajaan untuk merencanakan kembali aktiviti ekonomi. Kerajaan telah menyediakan pakej bantuan yang lebih besar dalam menghadapi kesan pandemik yang lebih buruk pada tahun ini, ekoran kemunculan varian baharu yang lebih memudaratkan dan boleh berjangkit dengan pantas. Oleh yang demikian, dengan pembukaan ekonomi yang secara berfasa diikuti perbelanjaan fiskal yang berterusan, sasaran defisit dianggarkan meningkat kepada 6.5% hingga 7.0% kepada KDNK pada 2021.

25. Operasi fiskal telah dan akan disokong melalui rasionalisasi perbelanjaan dengan mengutamakan pakej bantuan tambahan bagi memperkukuh sektor kesihatan

dan ekonomi. Langkah ini termasuk menangguhkan pelaksanaan beberapa program dan projek, menyekat perbelanjaan yang tidak kritikal berikutan pelaksanaan PKP dan mengoptimumkan operasi di bawah norma baharu untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan. Selain itu, kekurangan hasil dijangka dapat diimbangi oleh kutipan lebih baik daripada hasil berkaitan komoditi berikutan harga minyak mentah dan sawit yang lebih tinggi. Kerajaan juga telah memanfaatkan sebahagian daripada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) untuk menyegerakan pelaksanaan program vaksinasi bagi mencapai imuniti kelompok yang seterusnya akan mendorong pemulihan ekonomi lebih pantas. Langkah sokongan menerusi pelbagai instrumen fiskal lain akan turut membantu Kerajaan dalam menyeimbangkan antara keperluan perbelanjaan dan kemampuan fiskal.

26. Sehingga akhir Jun 2021, paras hutang Kerajaan Persekutuan meningkat kepada 61.2% kepada KDNK dengan hutang statutori mencatat 56.8%, iaitu masih di bawah had statutori 60%. Walau bagaimanapun, dengan semakan semula prospek pertumbuhan dan sasaran fiskal selaras dengan pelaksanaan PPN, Kerajaan perlu memastikan ruang fiskal yang mencukupi dalam mendepani krisis pandemik. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan had statutori hutang bagi menyediakan ruang fiskal tambahan dalam mengukuhkan ekonomi domestik dan memastikan pemulihan yang mampan.

27. Dalam jangka masa sederhana, trajektori konsolidasi fiskal akan bergantung pada pemulihan dari krisis kesihatan dan ekonomi. Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada langkah untuk mengembalikan landasan pertumbuhan negara kepada tahap potensi, bagi membolehkan rakyat dan perniagaan menyesuaikan diri dengan norma baharu serta meningkatkan pelaburan bagi menjana pertumbuhan masa hadapan ke arah menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik.

28. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam menyediakan sokongan fiskal di samping mengimbangi kesan krisis yang berpanjangan kepada sistem kesihatan dan ekonomi terhadap generasi akan datang. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, pembaharuan fiskal akan terus dilaksanakan untuk memastikan kemampuan fiskal. Dalam hal ini, kertas konsultasi awam mengenai kerangka Akta Tanggungjawab Fiskal akan diterbitkan untuk

mendapatkan input dan pandangan daripada semua pihak berkepentingan. Kerajaan juga telah melaksanakan kajian semula perbelanjaan awam untuk mengukuhkan kedudukan kewangan, seterusnya menjadi pelengkap kepada usaha Kerajaan membina semula ruang fiskal. Kerajaan kekal komited terhadap langkah konsolidasi fiskal berpandukan Rangka Fiskal Jangka Sederhana dan disokong oleh Strategi Hasil Jangka Sederhana untuk meluaskan asas cukai serta meningkatkan kemampuan keberhutangan Kerajaan.

Strategi Hasil Percukaian

Status prestasi hasil percukaian 2021

29. Bagi tahun 2021, sasaran kutipan hasil cukai adalah berjumlah RM162.1 bilion, yang merupakan 10.3% kepada KDNK. Ia merangkumi kutipan Cukai Langsung sebanyak RM120.0 bilion dan Cukai Tidak Langsung sebanyak RM42.1 bilion.

30. Namun sehingga Julai 2021, kutipan Cukai Langsung adalah sebanyak RM67.4 bilion atau 56.2% daripada sasaran, manakala Cukai Tidak Langsung mencatat kutipan sebanyak RM24.8 bilion atau 59% daripada sasaran. Prestasi kutipan hasil bagi separuh pertama 2021 adalah rendah berbanding anggaran dan kutipan seterusnya dijangka berkurangan ekoran pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP yang menjejaskan aktiviti perniagaan dan pendapatan peniaga, selain menyebabkan pertambahan mereka yang kehilangan pendapatan.

Inisiatif percukaian 2021

31. Sebagai langkah membantu golongan dan sektor terjejas, inisiatif percukaian yang dianggar berjumlah RM3 bilion telah dilaksanakan melalui Belanjawan 2021 dan pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan sepanjang tahun 2021 iaitu PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH. Antara inisiatif utama termasuklah:

- a. Sektor Kesihatan
 - i. Pelepasan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan perubatan dan penyakit serius dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000 dan rawatan perubatan diperluas meliputi perbelanjaan vaksinasi;

- ii. Peningkatan had pelepasan cukai bagi pemeriksaan kesihatan penuh daripada RM500 kepada RM1,000; dan
 - iii. Potongan cukai ke atas perbelanjaan yang dikeluarkan oleh majikan berkaitan langkah pencegahan COVID-19 dan PPE kepada para pekerja.
- b. Perlindungan Rakyat
- i. Pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1 mata peratusan bagi pendapatan bercukai RM50,001-RM70,000;
 - ii. Pelanjutan tempoh pelepasan cukai khas sehingga RM2,500 ke atas pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet; dan
 - iii. Peningkatan had pengecualian cukai pendapatan bagi bayaran pampasan atas kehilangan pekerjaan daripada RM10,000 kepada RM20,000 setiap tahun genap perkhidmatan.
- c. Sektor Perniagaan
- i. Potongan cukai khas ke atas pengurangan sewa sekurang-kurangnya 30% daripada kadar sewa asal yang diberi oleh pemilik premis perniagaan;
 - ii. Pengecualian cukai jualan ke atas kereta penumpang pemasangan tempatan dan import serta pengecualian duti eksais ke atas motosikal berkapasiti enjin 150cc ke bawah; dan
 - iii. Pengecualian cukai perkhidmatan untuk hotel dan cukai pelancongan.
- d. Sektor Pelaburan
- i. Galakan cukai bagi syarikat yang memindahkan operasi ke Malaysia dan membuat pelaburan baharu;
 - ii. Galakan cukai bagi syarikat pengeluar produk farmaseutikal termasuk vaksin; dan
 - iii. Galakan elaun pelaburan semula khas bagi projek pengilangan dan aktiviti pertanian terpilih.

32. Melalui Belanjawan 2021, langkah meluaskan asas cukai bagi meningkatkan kutipan hasil juga telah diumumkan. Ini termasuk pengenaan duti eksais ke atas

semua jenis peranti rokok elektronik dan bukan elektronik, termasuk vape serta cecair atau gel tanpa nikotin. Skop pengenaan cukai pelancongan juga diperluas meliputi premis penginapan yang ditempah melalui penyedia platform dalam talian.

Pengurusan ketirisan hasil

33. Kerajaan komited dalam menangani isu ketirisan hasil, terutamanya yang melibatkan aktiviti penyeludupan barangan berduti tinggi yang dianggar berjumlah RM5 bilion. Pasukan Kerja Pelbagai Agensi yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan sebagai sebuah platform bagi merangka strategi membendung aktiviti penyeludupan telah diperkasakan melalui penyertaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional.

34. Kerajaan juga telah melaksanakan langkah memperketat kawalan ke atas pelesenan dan pengimportan rokok dan produk tembakau dengan membekukan pengeluaran lesen import rokok baharu, memperketat pembaharuan lesen import rokok melalui pengenaan kuota import, mengehendkan aktiviti *transshipment* rokok di pelabuhan tertentu sahaja dan menjadikan rokok dan produk tembakau sebagai barangan berduti di semua Pulau Bebas Cukai.

35. Selain itu, Kerajaan telah memperkemas penentuan syarikat berkaitan bagi tujuan tuntutan relif kumpulan, mengenakan penalti ke atas kegagalan menyediakan dokumen Pindahan Harga dan menetapkan keperluan pembayar cukai menjelaskan cukai sebelum memulakan apa-apa prosiding terhadap Kerajaan/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa

36. Malaysia telah menandatangani Perjanjian *Intergovernmental Agreement* dengan Amerika Syarikat bagi tujuan pelaksanaan *Foreign Account Tax Compliance Act* (FATCA) pada 21 Julai 2021. Langkah ini merupakan pelengkap kepada penyertaan Malaysia terhadap inisiatif yang diterajui oleh OECD bagi membolehkan pertukaran maklumat berkaitan pembayar cukai terus dilakukan secara sistematik dan seterusnya membantu meningkatkan pematuhan cukai serta kecekapan tadbir urus percukaian negara, khususnya melibatkan aktiviti rentas sempadan.

37. Inisiatif Pelan Tindakan *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) OECD bagi menangani isu pelarian cukai rentas sempadan terus disokong oleh Malaysia. Ini termasuk penelitian terhadap cadangan berkaitan percukaian ke atas ekonomi digital menerusi *Pillar One* dan *Pillar Two* bagi memastikan Malaysia mempunyai hak mencukai ke atas aktiviti ekonomi digital. *Pillar One* menekankan kepada penentuan hak mencukai sesebuah negara berdasarkan nexus. Manakala, *Pillar Two* akan memperkenalkan kadar cukai efektif yang minimum di peringkat global bagi memastikan elemen percukaian tidak dijadikan sebagai elemen utama dalam menarik pelaburan langsung asing dan ia dapat menangani perancangan cukai secara agresif oleh pelbagai syarikat multinasional (MNEs).

Strategi meningkatkan hasil percukaian

38. Kerajaan juga sedang meneliti langkah bagi meningkatkan hasil cukai melalui peningkatan pematuhan cukai. Antara cadangan dalam penelitian termasuklah:

- a. Pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela (*Special Voluntary Disclosure Program - SVDP*) bagi cukai tidak langsung yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Melalui program ini, pembayar cukai digalakkan untuk tampil secara sukarela bagi mengikrarkan apa-apa cukai yang tidak dilaporkan, terkurang atau tersilap dilaporkan kepada JKDM;
- b. Memperkenalkan Sijil Pematuhan Cukai sebagai satu prasyarat baharu yang perlu dipatuhi oleh penender semasa mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan; dan
- c. Mengkaji semula layanan cukai yang dikenal pasti mempunyai elemen ketirisan hasil atau *harmful practices* dan melaksanakan nombor pengenalan cukai (*Tax Identification Number - TIN*).

Strategi pementapan sistem percukaian

39. Kerajaan sedar bahawa persekitaran pelaburan yang kondusif sama ada bagi FDI atau DDI merangkumi banyak aspek, termasuklah kestabilan ekonomi dan politik, dasar yang konsisten dan telus, pasaran buruh yang efisien, tahap kemudahan infrastruktur, tadbir urus yang mantap, rangka perundangan yang kukuh dan kualiti hidup yang selesa di Malaysia. Insentif fiskal termasuk cukai merupakan hanya salah satu daripada faktor penarik pelaburan berkenaan, namun ia boleh memainkan peranan penting sebagai alat dasar yang strategik.

Kajian Insentif Cukai

40. Oleh itu, sebuah kajian semula yang menyeluruh ke atas rangka kerja insentif cukai sedang dijalankan. Langkah ini bagi memastikan insentif cukai yang ditawarkan kepada pelabur asing dan tempatan kekal relevan dengan landskap semasa perniagaan di samping terus mengekalkan daya kompetitif negara dalam menarik pelaburan berkualiti seterusnya memberi pulangan positif kepada ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Objektif kajian semula ini adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan kerangka insentif yang responsif kepada perubahan persekitaran perniagaan dan landskap ekonomi;
- b. Menyelaras peranan dan fokus serta keseragaman dalam menilai pelaburan oleh agensi penggalakan pelaburan;
- c. Memastikan kerangka insentif cukai mematuhi komitmen di peringkat antarabangsa; dan
- d. Memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi pelaburan utama.

Pelaksanaan Strategi Hasil Jangka Sederhana

41. Strategi Hasil Jangka Sederhana (*Medium Term Revenue Strategy* - MTRS) merupakan inisiatif komprehensif dalam memastikan pendapatan Kerajaan melalui kutipan cukai dapat diurus dan ditingkatkan secara mampan seiring dengan pertumbuhan KDNK. MTRS mempunyai tiga komponen utama percukaian iaitu Dasar Percukaian, Pentadbiran Percukaian dan Rangka Kerja Perundangan Percukaian. Jawatankuasa Teknikal dan Pemandu yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, BNM, JKDM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah

ditubuhkan bagi merencana, memantau dan menjayakan pelaksanaan MTRS dengan sasaran laporan lengkap diterbitkan pada tahun 2022.

Strategi Perbelanjaan

Prestasi perbelanjaan 2021

42. Berdasarkan prestasi perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada Julai 2021, prestasi belanja bagi perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 adalah sebanyak 59% (rujuk Jadual 1). Faktor yang menyumbang kepada prestasi perbelanjaan yang sederhana ini berikutan pelaksanaan PKP 3.0 yang mengehadkan pengoperasian kebanyakan sektor ekonomi. Contohnya, hanya 16% daripada permohonan sektor pembinaan boleh beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0 menurut Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan, Januari-Julai 2021


Perkara	Peruntukan Asal 2021 (RM bilion)	Peruntukan Dipinda 2021 (RM bilion)	Perbelanjaan (RM bilion)	Peratus Pencapaian (%)
Perbelanjaan Mengurus	236.5	219.6	134.6	61.3
Perbelanjaan Pembangunan	69.0	68.2	31.0	45.4
Kumpulan Wang COVID-19	17.0	27.0	20.3	75.2
Jumlah	322.5	314.8	185.9	59.1

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Julai 2021)

43. Prestasi perbelanjaan mengurus sehingga Julai 2021 adalah sebanyak RM134.6 bilion. Pecahan perbelanjaan mengurus berdasarkan sektor sehingga Julai 2021 seperti di Carta 1. Selaras dengan matlamat pertama Belanjawan 2021 iaitu mengenai kesejahteraan rakyat, tumpuan perbelanjaan adalah bagi sektor sosial yang melibatkan perbelanjaan berkaitan kesihatan dan bantuan kebajikan rakyat.

44. Prestasi perbelanjaan pembangunan bagi tujuh bulan pertama tahun ini adalah sebanyak RM31.0 bilion. Sektor Ekonomi mencatatkan perbelanjaan terbesar setakat Julai 2021, sejajar dengan matlamat ketiga Belanjawan 2021 iaitu 'ketahanan ekonomi' bagi memastikan pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan bermakna. Komponen perbelanjaan terbesar dalam sektor ekonomi meliputi subsektor pengangkutan, kewangan dan pertanian.

Carta 1: Prestasi Perbelanjaan Mengurus, Pembangunan dan Kumpulan Wang COVID-19 mengikut Sektor, Januari-Julai 2021 (RM bilion)



Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Julai 2021)

45. Prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 sehingga Julai 2021 adalah sebanyak RM20.3 bilion. Selaras dengan matlamat utama Kerajaan melalui pelaksanaan pakej rangsangan dan pemulihan yang diumumkan iaitu untuk membantu rakyat yang terkesan berikutan pandemik COVID-19, maka perbelanjaan terbesar melibatkan sektor sosial meliputi pembayaran Bantuan Prihatin Rakyat, Jaringan Prihatin dan bantuan kebajikan.

Strategi pengurusan perbelanjaan - pengoptimuman dan pengawalan perbelanjaan

46. Dalam merangka strategi pengurusan perbelanjaan bagi Bajet 2022, terdapat tiga faktor yang akan diberi pertimbangan utama iaitu keperluan segera untuk terus menangani kesan daripada krisis COVID-19, kekangan ruang fiskal berikutan pengurangan hasil Kerajaan dan peningkatan hutang Kerajaan dan Bajet 2022 sebagai pemangkin dalam pembaharuan struktur bagi jangka masa sederhana sejajar dengan matlamat RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

Tumpuan Bajet 2022

Tema Bajet 2022

47. Berdasarkan senario negara yang sedang pulih daripada krisis pandemik dan ekonomi, Bajet 2022 dirangka berdasarkan keperluan utama untuk:

- a. Meneruskan program bantuan dan sokongan untuk memastikan pemulihan negara daripada kesan jangka panjang krisis pandemik terhadap kesihatan awam dan struktur ekonomi selaras dengan pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat melalui PPN;
- b. Menentukan kesinambungan dasar dan bantuan untuk menyokong rakyat dan perniagaan agar kekal berdaya tahan dalam menghadapi krisis bagi terus melindungi mata pencarian dan kehidupan rakyat dan perniagaan; dan
- c. Memangkin pembaharuan pasca-pandemik supaya negara mampu bangkit dengan lebih perkasa dan berdaya saing serta berteraskan pembangunan negara yang lebih terangkum dan mampan.

48. Dalam hubungan ini, Bajet 2022 dirangka dengan matlamat untuk terus melindungi dan memulih kehidupan serta mata pencarian rakyat, membina semula daya ketahanan ekonomi serta memangkin pembaharuan sosioekonomi.

Melindungi dan memulih kehidupan serta mata pencarian

49. Pada Jun yang lalu, PPN dilancarkan sebagai strategi peralihan keluar secara berfasa bagi mengatasi kemelut pandemik COVID-19. Seiring dengan itu, Bajet 2022 akan meneruskan kesinambungan pelan berkenaan bagi memacu pemulihan negara.

50. Bagi memastikan negara berjaya pulih dan keluar daripada kemelut ini, Bajet 2022 akan terus melindungi dan memulih kehidupan dan mata pencarian pasca-pandemik. Kerajaan juga akan memacu pemulihan bagi sektor ekonomi yang paling teruk terjejas seperti sektor pelancongan dan peruncitan.

51. Bajet 2022 juga akan menumpukan usaha untuk membantu golongan rentan, wanita, orang asli dan kurang upaya supaya tidak terpinggir dalam agenda pemulihan dan pembangunan negara. Di samping itu, usaha berterusan bagi melindungi dan mencipta peluang pekerjaan baharu akan terus dijadikan keutamaan.

Membina semula daya ketahanan negara

52. Daya ketahanan ekonomi negara diuji sepanjang krisis pandemik COVID-19. Krisis ini mencabar kekentalan daya ketahanan ekonomi negara yang berteraskan kepelbagaian ekonomi, ketahanan fiskal serta keupayaan sistem kesihatan negara. Namun demikian, ia juga memberi peluang kepada semua pihak untuk mengkaji kekurangan dan memperkukuh lagi ketahanan negara untuk menghadapi kemungkinan krisis serupa pada masa akan datang.

53. Oleh yang demikian, antara lain Bajet 2022 akan menekankan usaha untuk membina semula daya ketahanan sistem kesihatan negara untuk menghadapi krisis kesihatan melalui peningkatan kapasiti dan kualiti, memperkasa modal insan dalam sektor berkenaan serta menjalinkan kerjasama lebih erat antara penyedia perkhidmatan kesihatan awam dan swasta.

54. Di samping tumpuan kepada aspek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur fizikal, Bajet 2022 akan turut memberikan penekanan ke arah mempertingkatkan infrastruktur digital dan teknologi yang menjadi nadi utama bagi kelangsungan sistem ekonomi dan sosial pada masa hadapan. Dari aspek

pendidikan, infrastruktur dan aplikasi digital perlu dipertingkatkan bagi membolehkan sistem pendidikan membuat penyesuaian dengan keperluan belajar secara dalam talian di rumah. Selain itu, bagi sektor perniagaan, aplikasi dan infrastruktur digital turut memainkan peranan penting sepanjang tempoh PKP bagi memastikan sektor ini kekal beroperasi dan produktif.

55. Krisis ini juga mendedahkan keperluan untuk negara beralih kepada sektor industri yang mempunyai produktiviti tinggi berasaskan teknologi automasi dan kemahiran tinggi. Oleh yang demikian, penekanan juga akan diberikan untuk mempercepat peralihan kepada teknologi IR 4.0 dan transformasi digital serta meningkatkan keupayaan modal insan negara melalui program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula berasaskan permintaan semasa pasaran pekerjaan.

56. Bajet 2022 turut akan mengkaji kaedah untuk membina semula ketahanan fiskal negara yang terkesan disebabkan komitmen Kerajaan dalam menampung pakej rangsangan dan bantuan untuk rakyat dan perniagaan.

Memangkin pembaharuan

57. Krisis COVID-19 juga memberi peluang kepada Kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan ekonomi ke arah mewujudkan ekonomi yang lebih lestari serta berproduktiviti dan bernilai tambah tinggi. Untuk yang demikian, Bajet 2022 akan memastikan langkah-langkah pembaharuan dilaksanakan, dengan memberi penumpuan kepada pencapaian SDG, RMKe-12 dan WKB2030.

58. Agenda kelestarian dan kemampanan dalam Bajet 2022 akan terus diperkukuh. Kerajaan akan menumpukan ke arah meningkatkan kecekapan sistem penyampaian awam serta penekanan unsur alam sekitar, kemampanan dan tadbir urus (*Environmental, Social and Corporate Governance* - ESG) dalam perkhidmatan awam, badan berkanun serta syarikat berkaitan Kerajaan. Usaha ini menggambarkan tekad negara untuk membangunkan ekonomi yang lebih lestari dan terangkum, yang akan menjadi daya penarik kepada perniagaan untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi pelaburan utama.

59. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh pertubuhan masyarakat sivil (*Civil Society Organisation* - CSO) dalam tempoh pandemik ini telah menunjukkan kepentingannya sebagai rakan pembangunan Kerajaan dalam menangani pelbagai isu rakyat. Oleh itu, Kerajaan juga akan memperkukuh kerjasama dengan CSO dalam pelbagai bidang seperti membasmi kemiskinan, meningkatkan modal insan dan meningkatkan kualiti kesihatan rakyat.

Penjajaran Bajet 2022 kepada RMKe-12 dan WKB2030

60. RMKe-12 merupakan fasa pertama pelaksanaan WKB2030. Oleh itu, Bajet 2022 juga akan dijajarkan kepada keutamaan RMKe-12 yang dijadual dibentangkan di Parlimen pada September 2021. Aspek yang diberi penekanan dalam RMKe-12 iaitu pertumbuhan, keterangkuman dan kelestarian serta pemangkin utama akan dijadikan asas untuk merangka dan melaksanakan program dalam Bajet 2022. Pelaksanaan secara bersepadu akan memastikan langkah yang lebih tersusun dan rapi untuk mencapai matlamat jangka pendek dan jangka sederhana untuk kemakmuran negara.

Penutup

61. Secara keseluruhannya, Bajet 2022 dirangka dengan jangkaan situasi ekonomi yang akan pulih daripada kesan pandemik COVID-19 pada tahun hadapan. Oleh yang demikian, Bajet 2022 akan memberi tumpuan utama untuk terus melindungi dan memulih kehidupan serta mata pencarian rakyat dan perniagaan, membina semula daya ketahanan negara dan memangkin pembaharuan pasca-pandemik.

62. Bajet ini akan berusaha untuk memastikan tiada pihak yang layak tercicir, sama ada golongan rakyat mahupun perniagaan, dalam menerima bantuan dan sokongan Kerajaan, terutamanya pihak yang teruk terjejas disebabkan PKP yang berpanjangan pada 2021. Selain itu, Bajet ini juga merupakan pemangkin ke arah pelaksanaan RMKe-12 yang akan memacu pertumbuhan, keterangkuman dan kelestarian ekonomi dalam jangka sederhana, berteraskan SDG dan WKB2030.

63. Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai sesi libat urus dan konsultasi bagi mendapatkan input dan cadangan daripada pelbagai pihak bagi memastikan Bajet yang dirangka adalah komprehensif dan memenuhi aspirasi segenap pihak selaras dengan iltizam Keluarga Malaysia. Kerajaan juga berharap dengan penerbitan Kenyataan Pra-Bajet ini akan membantu menetapkan tahap ekspektasi rakyat terhadap Bajet 2022 yang dijangka akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Oktober 2021.